



---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
UNTUK MAKLUMAN :**

**Y.B. MENTERI  
Y.B. TIMBALAN MENTERI  
Y.BHG. KSU  
Y.BHG. TKSU (PDN)  
Y.BHG. TKSU (PUP)  
SETIAUSAHA AKHBAR**

---

**20 NOVEMBER 2021 (SABTU)**



KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN HAL EKRAL PENGGUNA

---

---

**KERATAN AKHBAR  
DAN MEDIA ONLINE  
(KPDNHEP)**

---

---

**20 NOVEMBER 2021 (SABTU)**

# My Gaya Month capai sasaran jualan

Pencapaian sangat membanggakan ketika industri terkesan akibat pandemik

Oleh **TUAN BUQHAIRAH TUAN MUHAMAD ADNAN**

**PUTRAJAYA**

**P**rogram My Gaya Month yang dianjurkan Persatuan Pereka Bumiputra Malaysia (MBDA) berjaya mencatatkan jualan RM402,212 dua kali ganda daripada sasaran iaitu RM250,000.

Presiden MBDA, Rasta Rashid berkata, ia adalah pencapaian yang sangat membanggakan ketika industri terkesan akibat Covid-19.

Menurutnya, penganjuran My Gaya Month yang diperkenalkan bagi me-

rancakkan Kempen Beli Barangan Malaysia (KBBM) memberi impak besar kepada pemain industri dan keseluruhan ekosistem.

"My Gaya Month menjadi titik tolak bagi membina ekosistem perniagaan yang lain," katanya sempena program My Gaya Month The Finale yang melabuhkan tirainya pada Jumaat di sini.

Seramai 30 pereka tempatan bersama koleksi terbaharu mereka yang direka khas untuk kempen berkenaan, antaranya aksesori buatan tangan, pakaian tradisional dan pakaian sukan terlibat dalam program yang berlangsung selama sebulan sejak 18 Oktober lalu.

Pereka-pereka terkenal yang terlibat ialah Bon Zainal, Habsah Saufi, AD, Amar Amran, Bujins, Rebel, JLA Diva, Huda Hassan dan HHM.

Pada majlis itu, pereka bagi jenama Carro, Mark Westwood dan Caroline Wass menerima anugerah Designer Awards.

Sementara itu, Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan Dalam



Hasnol Zam Zam (tengah) bergambar bersama penerima anugerah Designer Awards, Mark Westwood (kiri) dan Caroline sempena majlis penutupan My Gaya Month The Finale di Putrajaya pada Jumaat.

Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Zainol Zam Zam Ahmad berkata, selepas sebulan bertungkus-lumus, My Gaya Month turut berjaya menjalinkan kerjasama dengan gudang beli-belah terkenal, Metrojaya dan Al Ikhzan serta penyedia pasaran dalam talian.

"Inilah yang dikatakan *push factor*

*eco-system* yang strategik dibina di bawah payung MBDA.

"Alhamdulillah, saya dimaklumkan MBDA akan terus memberi kerjasama berterusan untuk mengentengahkan KBBM, sekali gus menjadikan Malaysia sebagai jenama yang kukuh di tanah air dan juga persada antarabangsa," kata beliau.



**RASTA RASHID**

pandemik

# Belian pukal punca stok minyak masak peket kurang

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM  
maisarah.rahim@mediamula.com.my

**PUTRAJAYA:** Gangguan stok bekalan minyak peket satu kilogram (kg) di beberapa negeri dikesan berpunca daripada pembelian dalam kuantiti banyak oleh pihak industri dan peniaga.

Sedangkan, bekalan minyak masak peket tersebut hanya untuk kegunaan isi rumah dan bukan tujuan kegunaan industri mahupun peniaga.

Menegaskan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Menteri Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, bagaimanapun, bekalan minyak masak di seluruh negara tidak mengalami gangguan stok kritikal di premis-premis perniagaan hasil pemantauan dan pemeriksaan anggota penguat kuasa kementerian di lapangan di seluruh negara.

"Minyak masak peket bersubsidi iaitu peket 1kg adalah hanya untuk kegunaan isi rumah dan bukan untuk kegunaan industri atau peniaga.

"Apabila pembelian oleh pihak industri dan peniaga dalam kuantiti yang tinggi, menyebabkan bekalan minyak masak terutamanya bungkus polibeg 1kg bersubsidi terganggu dalam pasaran di beberapa lokasi," katanya di sini semalam.

Menurut Alexander, isu



**PENIAGA** kedai runcit meletakkan notis kehabisan minyak masak jenis peket disebuah kedai runcit di Flat Jalan Kedah, Georgetown di sini hari ini. - UTUSAN/IQBAL HAMDAN

kekurangan minyak masak di beberapa lokasi didorong permintaan tinggi di dalam pasaran berikutan pembukaan sepenuhnya sektor ekonomi semasa berlakunya proses peralihan Pelan Pemulihan Negara (PPN) daripada satu fasa ke satu fasa berikutnya.

Jelasnya, gangguan bekalan itu bersifat lokaliti dan sementara serta akan pulih kepada keadaan biasa kemudiannya.

Pada masa sama, beliau memberi jaminan, kementeriannya sentiasa menjalankan pemeriksaan dan pemantauan

secara harian dan berterusan ke atas keberadaan minyak masak di pasaran.

Katanya, aktiviti penguatkuasaan itu melalui pemantauan secara peruncit daerah terpilih (DDR) dan pemborong daerah terpilih (DDW) serta pengilang daerah terpilih (DDM) bagi mengesan serta mengambil langkah segera jika ada kekurangan bekalan minyak masak di pasaran.

Dalam perbincangan di Dewan Rakyat baru-baru ini, Alexander mengakui wujud ketirisan dalam pengagihan subsidi minyak

dan mengenal pasti 19 kes yang juga antaranya telah dibawa ke mahkamah dan pihaknya bersedia menyiasat perkara tersebut bagi mencari penyelesaian.

Presiden Yayasan Pengguna Negara Malaysia (YPNM), Datuk Mohd. Firdaus Abdullah membangkitkan keutungan luma-yan sehingga 150 peratus jika dijual di pasaran gelap dipercayai menjadi punca bekalan minyak masak dalam peket 1 kg mengalami kekurangan di seluruh negara ketika ini ekoran peningkatan harga minyak sawit mentah.

Isi rumah di Pulau Pinang sukar membeli keperluan itu sejak Oktober lalu

# CAP dakwa minyak peket disorok

Oleh NOOR HASLIZA NUSI

**GEORGE TOWN** – Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) tidak menolak dakwaan berlakunya kegiatan sorok minyak peket bersubsidi di pasaran ketika ini sehingga pengguna berdepan kesukaran mendapatkan bekalan itu sejak penghujung Oktober lalu.

Pegawai Penyelidikinya, N.V. Subbarow berkata, pihaknya sehingga kini masih menerima aduan berhubung isu kekurangan bekalan minyak peket satu kilogram (kg) dalam kalangan isi rumah.

Menurutnya, masalah tersebut perlu disiasat ke akar umbi terutama di peringkat pengedaran yang berhubung terus dengan syarikat perkilangan atau pengeluaran minyak masak peket.

"Persoalannya, semua minyak masak peket 1kg yang dikatakan cukup. Kenapa bekalan itu masih tiada di premis dan di pasar raya yang beroperasi di negeri ini.

"Minyak masak peket bukan untuk peniaga kecil tetapi golongan isi rumah," jelasnya.

"CAP gesa Kementerian Per-



**SEORANG** peniaga kedai runcit meletakkan notis kehabisan minyak masak jenis peket di sebuah kedai runcit di Flat Jalan Kedah, George Town semalam.

dagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) siasat perkara ini dan mungkin telah

berlaku kegiatan sorok minyak di peringkat pengedar," katanya di sini semalam.

Dalam pada itu, Subbarow memberitahu lagi, pihaknya juga tidak menolak kemungkinan



**KERATAN Kosmo!** 17 November 2021.

minyak peket yang diedarkan ke kedai-kedai runcit hanyalah untuk stok kepada pelanggan tetap iaitu peniaga makanan.

Sementara itu, Pengarah KPDNHEP negeri, Mohd. Ridzuan Ab. Ghapar ketika dihubungi di sini memaklumkan pihaknya akan menjalankan siasatan kemungkinan berlaku kegiatan sorok minyak peket di pasaran ketika ini.

"Kita sentiasa buat pemeriksaan dan pemantauan, jumlah dan edaran, yang dibuat kepada pemborong dan peruncit. Jika ada keraguan, kes akan diambil tindakan tegas," tegasnya.

Sebelum ini KPDNHEP Pulau Pinang menyatakan minyak masak peket bersubsidi bukan untuk kegunaan komersial sebaliknya isi rumah sahaja.



**PENGGUNA** mesti menyemak dahulu harga makanan yang dipesan bagi mengelak dcaj harga kayangan.

## Harga kayangan, salah pengguna?

**B**ARU-BARU ini tular di media sosial mengenai pelanggan yang perlu membayar lebih RM1,000 untuk hidangan ikan siakap. Ada yang menuding jari kepada ketidakpekaan pengguna, tidak kurang menyalahkan peniaga yang dikatakan mengambil kesempatan.

Seri dapatkan pandangan Ahli Persatuan Ekonomi Pengguna & Keluarga Malaysia (MACFEA) yang juga Dekan Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof. Dr. Mohamad Fazli Sabri.

**SERI: Kadangkala restoran mewah tidak memaparkan harga. Apa perlu pengguna lakukan?**

Pengguna perlu membuat sedikit tinjauan atau maklumat mengenai kedai atau restoran dikunjungi di laman web atau media sosial mereka.

Lihat juga komen dan maklum balas pelanggan mengenai restoran berkenaan. Kalau tidak sempat, tanya sebelum membuat pesanan. Setelah berpuashati barulah disaran membuat pesanan.

**Kalau rasa tertipu apa tindakan perlu dilakukan?**

Ada lapan hak pengguna iaitu hak untuk mendapatkan keperluan asas, hak untuk mendapatkan keselamatan, hak untuk mendapatkan maklumat, hak untuk membuat pilihan, hak untuk bersuara, hak untuk mendapatkan ganti rugi, hak untuk mendapatkan pendidikan pengguna dan hak untuk mendapatkan alam sekitar yang sihat dan selamat.



**PROF. DR.  
MOHAMAD  
FAZLI SABRI**  
Ahli Persatuan  
Ekonomi Pengguna  
& Keluarga  
Malaysia (MACFEA)  
dan Dekan Fakulti  
Ekologi Manusia,  
UPM.

### TIPS:

- Sediakan bajet sesuai kalau bercadang makan di luar rumah.
- Buat tinjauan harga, perkhidmatan, kemudahan dan citarasa sebelum mengunjungi sesuatu restoran.
- Pastikan restoran mempamerkan tanda harga.
- Sekiranya berkunjung ke restoran makanan laut, pemilik restoran boleh menggunakan konsep pilih, timbang kemudian bayar.
- Pengguna perlu tingkatkan kefahaman dan kemahiran berkaitan hak-hak sebagai pengguna, mengikut situasi dan konteks sesuai.

Dalam konteks ini, pengguna boleh menggunakan hak untuk mendapatkan maklumat daripada restoran, hak untuk membuat pilihan dengan menu yang dihidangkan dan ditawarkan.

Sekiranya rasa tertipu, gunakan hak bersuara atau menyatakan pandangan termasuk hak mendapatkan ganti rugi sekiranya apa ditawarkan tidak seperti dijanjikan.

Jika berlaku penindasan atau memanipulasi harga, dan ada aduan daripada pelanggan kepada pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), restoran itu boleh disiasat di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011.

**Salahkah makan mewah? Berapa bajet untuk makan?**

Makanan sedap sering dikaitkan dengan mahal. Hakikatnya, tidak. Bajet untuk makanan disarankan antara 5-15 peratus daripada pendapatan individu.

Individu pendapatan RM3,000, bajet makanan adalah di antara RM150 hingga RM450. Panduan perbelanjaan Belanjawanku oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) mencadangkan orang bujang memperuntukkan RM550, manakala bagi berkeluarga antara RM870 hingga RM1,500 untuk makanan.

Laporan Perbelanjaan Isi Rumah 2019 dikeluarkan Jabatan Perangkaan Malaysia menunjukkan jumlah perbelanjaan penggunaan isi rumah bulanan purata rakyat Malaysia adalah sebanyak RM4,534 di mana perbelanjaan untuk makanan adalah sebanyak RM783 (17.3%) iaitu kedua tertinggi selepas perbelanjaan perumahan iaitu RM1,068 (23.6%).

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	<b>RM6.49</b>
• Daging Lembu Tempatan	<b>RM35</b>
• Daging Lembu Import	<b>RM15.50</b>
• Telur Cerd A.	<b>RM11.90</b>
• Ikan Kembung	<b>RM10.99</b>
• Minyak Masak	<b>RM6.40</b>
• Gula Pasir	<b>RM2.85</b>
• Bawang Besar Holland	<b>RM2.99</b>
• Bawang Putih	<b>RM5.50</b>
• Cili Merah	<b>RM9.95</b>
• Kubis Bulat Tempatan	<b>RM4</b>
• Tepung Gandum	<b>RM2.19</b>

\*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNHEP